

# BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	10 / 10 / 2016	SEKSYEN	DIDIK
MUKA SURAT	D3	RUANGAN	

## Tabung Haji bantu ahli Kelab TaHa



TABUNG HAJI  
جَاهِي



### Kuala Lumpur

All Kelab TaHa di sekolah rendah bertuah kerana mendapat menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan, khas untuk calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Seminar yang ditaja oleh Tabung Haji (TH) itu dijalankan dengan kerjasama BH.

Tahun ini, TH memilih lapan negeri untuk mengadakan Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR TH-BH, iaitu Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Kuala Lumpur, Perak, Melaka, Johor dan Pahang.

### Sehari suntuk

Calon mengikuti program sehari suntuk itu beberapa minggu sebelum menduduki UPSR pada awal bulan September lalu.

Mereka mendapat panduan daripada penceramah yang dibawa oleh BH, iaitu guru cemerlang yang masih berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan.

Guru berkenaan menyampaikan kaedah mengulang kaji serta menjawab soalan secara mudah untuk mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Melayu.

TH turut menaja makanan untuk semua peserta seminar berkenaan.



Sebahagian daripada peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR BH-BH di Kolej Vokasional Bandar Muadzam Shah, Pakong.



Kira-kira 250 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mendapat manfaat daripada seminar unjuran Tabung Haji Kelantan yang diadakan di Sekolah Menengah Rebangsan Tendong, Pasir Mas, sebelum peperiksaan pada bulan September lalu.



Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR BH-BH peringkat Johor dengan mendapat kerjasama penuh daripada Jabatan Pendidikan Daerah Mersing.

info

### Lapan tempat

- Langkawi, Kedah
- Kepala Batas, Pulau Pinang
- Pasir Mas, Kelantan
- Selangor, Kuala Lumpur
- Parit, Perak
- Jasin, Melaka
- Mersing, Johor
- Muadzam Shah, Pahang